

Uapan: ADHO
495
114/80

Uchapan Y.B. Enche' Hussein Onn,
Menteri Pelajaran meresmikan Bengkel
Tatarayaat untok Guru2 Sekolah Rendah
di-Kolej Tuanku Abdul Rahman Universiti
Malaya pada 9hb Ogos, 1971, pukul 9.00 pagi

Tuan2 dan Puan2 sekelian,

Terlebeh dahulu, saya menguchapkan tahniah kapada
Jawatan Kuasa yang telah berjaya mengadakan ~~sebuah~~ bengkel
tatarayaat selama lima hari ⁱⁿⁱ bagi guru2 dari Sekolah2 Rendah.
Saya di-fahamkan bahawa, guru2 menghadziri bengkel ini
dengan tujuan yang tertentu, ia-itu mengkaji isikandongan
sukatan pelajaran tatarayaat dengan sedalam2-nya, membinchang,
mengupas dan memberi tegoran2 dan chadangan yang membena,
kapada sukatan pelajaran ini, supaya perlaksanaan-nya di-
sekolah2, akan lebeh2 lagi bersesuaian dan berkesan.

Sukatan pelajaran yang berasaskan kapada Rukunegara
ini, mula di-laksanakan kapada murid2 di-perengkat pertengahan
pelajaran rendah mereka. Di-perengkat ini, kanak2 itu tidaklah
terlalu muda untok memahami dan mempraktikkan perkara2 yang
di-sesuaikan kapada mereka, mengikut kehendak2 sukatan
pelajaran ini. Walau bagaimana pun, boleh di-katakan semangat

Fail 9/9/8

dan kesusilaan yang di-kehendaki, boleh di-semai di-perengkat umur murid2 maseh muda lagi.

Guru2 yang mengikuti bengkel ini, adalah bertanggung-jawab, untuk menyebarkan idea2 dan konsep2 yang telah di-binchangkan di-sini. Che'gu2 lain yang mengajar mata-pelajaran tatarakyat, yang tidak terpileh bersama2 dengan Che'gu2 sekalian kali ini, memerlukan penerangan dan penjelasan tentang idea2 dan konsep2 yang sabenar-nya, dalam melaksanakan sukatan pelajaran ini.

Tatarakyat bukanlah merupakan matapelajaran yang formal. Tindakan, perbuatan dan pelajaran yang di-peraktikkan itu, adalah benar2 membayangkan keperluan masharakat Malaysia ini sendiri; tentang demokrasi, mithal-nya, yang penting bukanlah ma'ana demokrasi, tetapi bagaimanakah dapat kita memperaktikkan demokrasi yang di-cherminkan oleh masharakat berbilang bangsa di-negara kita ini. Melalui aktibiti2 di-sekolah2, di-luar sekolah, dan di-rumah, tanggung-jawab yang di-jalankan bersama, akan memupok, dengan chara tidak di-sedari, konsep dan idea demokrasi di-Malaysia. Kita mempunyai perlembagaan yang memandu tiap2 warganegara, supaya

demokrasi kita, lebih bersesuaian dengan keadaan di-negara kita sendiri.

Jadi, dengan memahami sukatan pelajaran ini, dengan sedalam2-nya, dapatlah Che'gu2 sekalian, menjalankan suatu "mission" yang di-pertanggung-jawabkan kepada Che'gu2. Untuk berjaya dalam hal ini, Che'gu2 bukanlah semata2 menghebahkan konsep2 dan idea2 ini, atau mencheritakan-nya sahaja, atau memberi keterangan, ~~atau berberita sahaja~~ atau mengarahkan-nya, tetapi hendaklah menyampaikannya dengan lebih jelas, bermaana dan berkesan, kepada pengalaman murid2 sekalian. Che'gu2. Apabila guru2 dapat menyentoh perasaan murid2 mereka, dalam melaksanakan tujuan pelajaran ini, maka berjayalah guru2 bagi menyebabkan mereka itu mempraktikkan perkara2 yang di-perlukan itu.

Pelajaran akan membena keperibadian sa-saorang manusia itu. Sekira-nya pelajaran tidak berjaya menjadikan ra'ayat mempunyai moral, lebih2 lagi bersikap adil terhadap semua orang, lebih2 lagi menghormati undang2, lebih2 lagi taat setia kepada negara dan raja kita dan mempunyai sikap sedar tentang tanggung-jawab kita (public spirited), saya rasa

adalah

tindakan yang kita jalankan pada hari ini/sia2 sahaja.

Guru2 dan pendidek2 boleh membentok sikap dan ideal anak2 kita, yang akan menjadi warganegara dewasa dan pemimpin di-masa yang akan datang. Genarasi kita, boleh menukar penghidupan-nya sendiri, dengan menukar sikap yang tertanam di-hati sanubari anggota-nya. Sikap yang di-kehendaki itu, dapat di-semai dan di-pelajari, dari perengkat yang serendah2 lagi.

Pengarah Penyelidikan dan Peranchang Pelajaran menyatakan tadi, bahawa tujuan utama Kementerian Pelajaran mengadakan bengkel ini, ialah kerana hendak melibatkan penyertaan guru2 sendiri, berhubong dengan pelaksanaan Sukatan Pelajaran Tataraaayat yang baru ini. Ada-lah menjadi dasar Kementerian Pelajaran, apabila menukarkan sukatan pelajaran, menimbangkan-nya dengan mendalam sabelum di-laksanakan. Pembentokan Sukatan Pelajaran ini, terutama-nya melibatkan guru2. Saya sendiri ingin mengetahui, dan ingin melibatkan semua pihak, yang berkenaan, bagi pembentokan-nya, bukan sahaja sukatan pelajaran tataraaayat, tetapi juga semua sukatan pelajaran. Sukatan pelajaran yang di-bentok itu,

hendaklah di-jadikan sebagai suatu sukatan-pelajaran, yang lengkap dan kemas, dan bersesuaian dengan perkembangan pelajaran di-negara kita ini. Kementerian Pelajaran mahukan "feedback"/timbang-balek, dari punga dan akar umbi yang sebenarnya.

Kementerian Pelajaran tidak sekali2 mahu di-katakan "pandai memberi arahan sahaja", tetapi tidak memahami keadaan dan masalah di-akar umbi. Penukaran sukatan pelajaran, adalah untuk kebaikan pelajaran, supaya bukan sahaja sesuai dengan perkembangan pelajaran sains dan teknologi, tetapi sesuai dengan kehendak2 Rukunegara kita. Oleh itu, wakil2 *dari* 66 orang guru, dari semua jenis sekolah rendah di-Malaysia Barat ini, telah di-panggil turut bersama mengambil bahagian di-dalam bengkel yang akan di-jalankan ini. Pembentukan sukatan pelajaran, khas-nya sukatan pelajaran tataaraayat, adalah kesan tindakan bersama, semua pihak yang berkenaan.

Guru2 tentulah faham, bahawa di-dalam proses pengajaran murid2, guru2 merupakan pengasah dan pembimbing. Guru2 inginkan matlamat2 pelajaran itu di-chapai, dengan cara memberi inspirasi ^{kepada} ~~bagi~~ murid2, supaya mempraktikkan sendiri

pelajaran-nya. Murid2 ingin tahu sendiri, dan ini akan memberi dorongan kepada-nya. Jadi, kita mestilah memberi galakan dan bimbingan yang sawajar-nya.

Saya mempunyai keyakinan, bahawa guru2 sekalian, selepas mengambil bahagian di-dalam bengkel ini, akan mempunyai semangat dan peransang, untuk meneruskan "mission" yang mulia itu, yang di-tanggung-jawabkan kepada guru2 sekalian. Saya berharap, daya usaha guru2 akan di-pergerakkan dengan sekuat2-nya lagi, untuk menchapai matlamat yang jujur dan ikhlas ini.

Akhir kata, saya ucapkan Che'gu2 semua, maju jaya dalam melaksanakan tujuan ini.



pelejarannya. Murid ingin tahu sendiri dan ini akan
 memberi dorongan kepada-nya. Jadi, kita mestilah memberi
 galakan dan bimbingan yang sewajarnya.
 Saya mempunyai keyakinan, bahawa guru sekalian
 selapas mengambil bahagian di-dalam benakel ini akan
 mempunyai semangat dan perancangan untuk meneruskan "misi" ini
 yang mahu itu yang di-tanggung-jawabkan kepada guru sekalian
 Saya berharap, daya usaha guru akan di-pergerakan dengan
 kekuatan-nya lagi, untuk mencapai matlamat yang tuju dan
 mulia ini.
 Akhir kata, saya ucapkan Che'gus semua, maju jaya
 dalam melaksanakan tujuan ini.



No. Siri 48
 No. Penerimaan 48/80